

HUBUNGAN ANTARA KECENDERUNGAN MINAT PELAJAR DALAM BAHASA ARAB DENGAN KUALITI DIRI GURU BAHASA ARAB MRSM ULUL ALBAB, KOTA PUTRA

Mohammad Abdillah Samsuiman¹, Asma Benjaman², Zamri Arifin¹

¹Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

²Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Emel: kalamhamba85@yahoo.com, l_humairah@yahoo.com,
abuzaim@ukm.my

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengetahui tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab dan tahap kualiti diri guru pendidikan Bahasa Arab serta mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara minat pelajar terhadap Bahasa Arab dengan kualiti diri guru pendidikan Bahasa Arab di MRSM Ulul Albab, Kota Putra. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan telah dilakukan terhadap 57 orang pelajar MRSM Ulul Albab, Kota Putra dengan menggunakan soal selidik. Tahap kewajaran ujian dan soalan dinilai dan diperakukan oleh pakar akademik sebelum kajian dilaksanakan. Analisis data kajian menunjukkan bahawa kecenderungan minat pelajar terhadap Bahasa Arab berada pada tahap yang baik dan tinggi. Manakala dapatan kajian juga mendapati bahawa tahap kualiti diri guru Bahasa Arab adalah tinggi yang mana guru merupakan individu paling berpengaruh dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan minat pelajar dengan kualiti diri guru. Beberapa cadangan telah dikemukakan sebagai inisiatif yang boleh diambil untuk membentuk sikap pelajar seterusnya meningkatkan lagi tahap kualiti P&P pendidikan Bahasa Arab.

KATA KUNCI: *pendidikan Bahasa Arab, minat pelajar, kualiti diri guru*

ABSTRACT

This study is to determine the level of interest students have in the subject of Arabic Language and the quality of Arabic language educators and to identify whether there is a significant relationship between the students interest towards the Arabic language and the quality of the educators of the language at MRSM Ulul Albab, Kota Putra. In the effort to gain results for this study, a study was done on 57 pupils from MRSM Ulul Albab, Kota Putra using questionnaires that are evaluated and approved by academic supervisors before distributed to the pupils. The analysis of the results shows that there are high interest among the students in regards to learning the Arabic language. On the other hand, this study also shows that the quality of the language educators plays an important role in implementing and nurturing the interest of the pupils towards the language. The study also indicates that there is a significant connection between the pupils interest and the quality of the educators. A number of suggestions was forwarded as an initiative that can be used to shape and improve students attitude and also to increase the quality of Arabic language learning experience.

KEYWORDS: *Arabic Language learning, student's interest, educator's quality*

1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan merupakan asas yang penting bagi membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik. Malaysia merupakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang mana setiap dasar yang dilaksanakan perlu selari dengan keperluan masyarakat. Dasar pendidikan yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk memberi pelajaran di sekolah semata-mata tetapi sebagai alat untuk merealisasikan perpaduan bangsa. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memainkan peranan yang sangat penting dalam membawa perubahan pendidikan di Malaysia sejak sekian lama lagi. Misi KPM ialah membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia, di samping memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara. KPM menetapkan matlamat, iaitu melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia, bersatu padu, beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan, sejahtera, menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara, dan memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Perkembangan pendidikan di Malaysia ternyata mengalami banyak perubahan, terutama sejak zaman penjajahan hinggalah zaman selepas merdeka. Perkembangan masyarakat seiring dengan perkembangan

dasar-dasar negara yang sentiasa ditambah baik bagi memastikan keperluan rakyat terbelas (Adnan Yusopp, 2005). Melalui KPM, kerajaan turut memberi perhatian kepada pendidikan Islam dan bahasa Arab dalam usaha mentransformasikan bidang pendidikan di Malaysia. Pendidikan bahasa Arab telah mendapat pengiktirafan oleh kerajaan dengan ditawarkan mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), sekolah berasrama penuh dan sekolah yang Kelas Aliran Agama (KAA). Penubuhan dan perkembangan SMKA bermula pada tahun 1977 telah memberi ruang kepada pengajaran bahasa Arab dengan lebih menarik. Sukatan pembelajarannya digubal dan disusun semula mengikut keperluan semasa (Rosni Samah, 2009). Sehubungan dengan itu, bagi menjamin kelangsungan proses transformasi dalam bidang pendidikan khususnya pendidikan bahasa Arab, maka terhasillah banyak kajian yang berkaitan dengannya. Aspek pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan sebahagian daripada perkara penting yang sentiasa dibincangkan dalam mana-mana kajian yang berkaitan dengan pendidikan. Dalam mana-mana proses P&P pula, guru merupakan aset yang penting dalam memastikan kejayaan pelajar. Guru juga merupakan individu yang bertindak sebagai ejen perubahan pelajar (Abdul Rahim, 2001). Dalam konteks pendidikan bahasa Arab pula, guru bahasa Arab merupakan individu yang terpenting dalam pencapaian kualiti pendidikan bahasa Arab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Guru merupakan antara individu yang paling dekat dengan pelajar yang seharusnya memikul tanggungjawab yang besar dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan bahasa Arab di Malaysia serta mengembalikan pendidikan bahasa Arab setaraf dengan keistimewaanannya dalam sistem pendidikan negara. Ini kerana pendidikan bahasa Arab selama ini telah disimpulkan sebagai tidak berjaya dalam banyak kajian (Ishak Rejab, 1992). Menurut Ghazali Yusri (2012), melalui penyelidikan terdahulu, para pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab bukan disebabkan oleh aspek penggunaan modul semata-mata tetapi juga melibatkan banyak aspek seperti faktor pelajar, faktor tenaga pengajar, bahan pengajaran, suasana, strategi pengajaran dan sebagainya.

Menurut Ghazali Yusri *et al.*, (2010) menekankan bahawa kelemahan pelajar juga mempunyai hubung kait yang rapat dengan faktor tenaga pengajar, malah tenaga pengajar menjadi faktor kejayaan pembelajaran bahasa di dalam kelas. Faktor tenaga pengajar boleh dilihat dari tiga sudut iaitu, pertamanya; kemahiran guru dalam mengajar bahasa,

kedua; kemahiran guru dalam menguasai selok-belok bahasa yang diajar dan ketiga; personaliti guru bahasa.

Antara faktor-faktor yang dikaitkan dengan pencapaian pelajar juga ialah minat, sikap, gaya pembelajaran, kaedah pengajaran dan latar belakang keluarga. Di samping bahan dan alatan bantuan, aktiviti dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran mereka. Minat pula mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila seseorang meminati sesuatu maka ia akan bersikap positif terhadap perkara tersebut. Hal ini akan menghasilkan sesuatu yang bermakna dan berkesan. Namun, ada kalanya minat tidak selari dengan sikap seseorang. Seseorang pelajar yang berminat dengan mata pelajaran kejuruteraan tetapi malas untuk membuat kajian dan penerokaan tidak akan berjaya menjadi seorang jurutera. Minat juga berkait rapat dengan motivasi dalaman (Zulzana *et al.*, 2013). Kenworthy dalam Noraini (2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara menimbulkan minat pelajar ialah menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik. Guru juga perlu berperanan dalam menarik minat pelajar. Hadiah Senin (1997), dalam kajiannya mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah yang dilakukan terhadap 250 orang pelajar termasuk pelajar Melayu, Cina dan India dari lima buah sekolah di Batu Pahat, Johor mendapati bahawa pelajar-pelajar yang baik pencapaiannya dalam mata pelajaran Sejarah adalah pelajar yang mempunyai minat terhadap mata pelajaran tersebut.

Menurut Widad (1998), guru yang bijaksana akan menjalankan proses pengajaran sesuatu yang bermanfaat dan boleh mencerahkan masa depan murid dengan peluang yang ada. Pengajaran guru dalam hal ini adalah sebagai pembimbing atau model serta berupaya mempengaruhi sikap murid terhadap pencapaian akademik mereka. Menurut Kamaruddin (1997), tanggungjawab dan tugas guru tidak sahaja mentadbir ataupun menguruskan kelas. Malahan mereka mempunyai tanggungjawab yang lebih penting dalam proses pengajaran iaitu menyampaikan ilmu kepada murid. Beliau turut menyatakan pengajaran guru seharusnya berdaya tarikan dan mampu meningkatkan motivasi murid. Motivasi akan menjadi berkurangan apabila proses pembelajaran dipenuhi dengan aktiviti yang tidak bermakna.

Menurut Noor Erma *et al.*, (2014), minat merupakan suatu perkara penting sebagai pendorong kepada murid untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran. Ismail (1992) menyokong pernyataan tersebut dengan menyatakan minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan

mendorong seseorang murid meneroka dengan lebih jauh.

Lee (1991) pula mendapati bahawa minat dan sikap memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kesediaan belajar dan pencapaian murid. Ini adalah kerana murid akan berminat dalam perkara yang dipelajarinya akan mencapai prestasi yang cemerlang. Abu Bakar (1994) pula menyatakan seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan kesungguhan dan pencapaian yang tinggi. Oleh itu minat perlu ditanamkan dalam diri murid itu sendiri. Keseronokan belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh dipertingkatkan lagi dengan penyertaan dan dorongan ibu bapa, guru dan rakan-rakan di dalam proses pembelajaran.

Pelbagai faktor telah dikaji oleh pakar-pakar dalam bidang penyelidikan bagi mencari punca-punca kemerosotan dan permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Arab. Menurut Salawati (1998), pencapaian awal, kemahiran asas, minat, sikap, motivasi dan kemahiran menyelesaikan masalah merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku. Selain itu, faktor-faktor lain juga didapati menyumbang kepada punca kemerosotan murid dalam pelajaran seperti ketidakselarasan strategi dan pendekatan pengajaran guru dengan keperluan dan gaya pembelajaran murid yang mana murid tidak tahu teknik dan cara pembelajaran yang berkesan dan efektif juga menjadi punca kepada kemerosotan pelajar. Justeru itu, kajian ini merupakan kajian yang hanya menjurus kepada hubungan antara kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab dengan kualiti diri guru Bahasa Arab.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengetahui tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab dan tahap kualiti diri guru pendidikan Bahasa Arab serta mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara minat pelajar terhadap Bahasa Arab dengan kualiti diri guru pendidikan Bahasa Arab di MRSM Ulul Albab, Kota Putra.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan satu set soal selidik yang meliputi latar belakang responden, kualiti diri guru, pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bilik darjah dan kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab. Sampel kajian yang telah dipilih adalah seramai 57 orang yang dipilih secara rawak mudah dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di MRSM Ulul Albab Kota Putra, Besut, Terengganu.

3.0 DAPATAN KAJIAN

3.1 Demografi Responden

Hasil daripada data yang diperolehi melalui soal selidik, responden kajian terdiri daripada 27 orang lelaki dan 30 orang perempuan. Hasil kajian mendapati bahawa keputusan mata pelajaran Bahasa Arab dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) bagi tahun 2013 berada pada tahap yang membanggakan iaitu seramai 41 orang pelajar mendapat A dan 16 orang pelajar mendapat B dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti responden mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Arab dan hanya 1.8% yang menyatakan bahawa mereka tidak berminat dengan mata pelajaran Bahasa Arab.

3.2 Tahap Kualiti Diri Guru

Untuk memperlihatkan tahap kualiti diri guru Bahasa Arab, skala penskoran dibentuk. Penskoran dibuat bagi mengukur tahap kualiti diri guru sama ada ia pada tahap rendah, sederhana atau tinggi. Skala penskoran yang digunakan adalah skor 1-46 tahap rendah, 47-73 tahap sederhana dan 74-100 tahap tinggi.

Jadual 1: Skor tahap kualiti diri guru

Tahap	Skor	Kekerapan	Peratus
Rendah	1-46	1	1.8
Sederhana	47-73	4	7.0
Tinggi	74-100	52	91.2
Jumlah		57	100.0

Sumber: soal selidik, 2014

Hasil daripada skala penskoran yang dibentuk untuk mengetahui tahap kualiti diri guru Bahasa Arab dari perspektif pelajar tingkatan 4 MRSM Kota Putra. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar berpendapat bahawa tahap kualiti diri guru Bahasa Arab adalah tinggi iaitu sebanyak 91.2%, diikuti 7% pada tahap sederhana dan hanya 1.8% pada tahap rendah.

3.3 Tahap Kecenderungan Minat Pelajar Terhadap Bahasa Arab

Penskoran dibuat bagi mengukur kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab. Penskoran dibuat bagi mengukur tahap kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab sama ada ia pada tahap rendah, sederhana atau tinggi. Skala penskoran yang digunakan adalah skor 1-46 tahap rendah, 47-73 tahap sederhana dan 74-100 tahap tinggi.

Jadual 2 memperlihatkan bahawa hanya 3.5 % daripada responden menunjukkan bahawa mereka tidak berminat dengan mata pelajaran Bahasa Arab berbanding dengan 82.5 % lagi menunjukkan tahap minat yang tinggi dalam Bahasa Arab dan selebihnya 14% pada tahap yang sederhana.

Jadual 2: Tahap Kencenderungan minat pelajar terhadap Bahasa Arab

Tahap	Skor	Kekerapan	Peratus
Rendah	1-46	2	3.5
Sederhana	47-73	8	14.0
Tinggi	74-100	47	82.5
Jumlah		57	100.0

3.4 Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab Dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab

Kaedah statistik inferensi iaitu ujian Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat perhubungan antara dua pembolehubah. Jadual 3 memperlihatkan dapatan kajian mengenai hubungan antara kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab dengan kualiti diri guru Bahasa Arab di MRSM Kota Putra. Jadual 3 juga menunjukkan bahawa nilai r adalah 0.000 dan ia adalah signifikan pada aras .01 ($r = 0.00$; $p < 0.01$) untuk pembolehubah kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab dengan kualiti diri guru Bahasa Arab di MRSM Kota Putra.

Dengan itu terdapat hubungan yang positif dan signifikan untuk pembolehubah kecenderungan minat pelajar terhadap Bahasa Arab dengan kualiti diri guru Bahasa Arab di MRSM Kota Putra. Ini bermakna kualiti guru Bahasa Arab merupakan antara faktor yang penting dalam memupuk minat pelajar terhadap Bahasa Arab.

Jadual 3: Hubungan antara kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab dan kualiti diri guru Bahasa Arab di MRSM Kota Putra

		P&P dalam bilik		
		Kualiti guru	darjah	Minat pelajar
Kualiti guru	r	1	.741(**)	.473(**)
	p	.	.000	.000
	n	57	57	57
P&P dalam bilik darjah	r	.741(**)	1	.646(**)
	p	.000	.	.000
	n	57	57	57
Minat pelajar	r	.473(**)	.646(**)	1
	p	.000	.000	.
	n	57	57	57

** kolerasi adalah signifikan pada aras 0.01

* kolerasi adalah signifikan pada aras 0.05

3.5 Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecenderungan minat pelajar terhadap Bahasa Arab berada pada tahap yang baik. Kajian juga mendapati bahawa faktor minat pelajar yang tinggi merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pencapaian pelajar. Menurut Abdul Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong (2006), dalam kajiannya ke atas pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia mendapati bahawa sikap dan minat pelajar terhadap pelajaran Bahasa Arab adalah penting dalam menentukan kejayaan mereka. Noraini Omar (2008) dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan antara sikap pelajar dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ramai pengkaji telah mengemukakan teori berkaitan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Minat juga berkait rapat dengan motivasi dalaman. Kenworthy dalam Noraini (2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara menimbulkan minat pelajar ialah menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa tahap kualiti diri guru Bahasa Arab adalah tinggi. Guru merupakan individu yang paling berpengaruh dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah diutarakan mencerminkan bahawa pencapaian pelajar adalah berkait rapat dengan kualiti guru bahasa Arab yang sedia ada. Menurut Geo (2007), sarjana-sarjana secara umumnya telah bersepakat bahawa pencapaian pelajar merupakan hasil daripada guru yang berkualiti. Nik Mohd Rahimi (2010) menekankan bahawa kelemahan pelajar juga mempunyai hubung kait yang rapat dengan faktor tenaga pengajar, malah tenaga pengajar menjadi faktor kejayaan pembelajaran bahasa di dalam kelas. Faktor tenaga pengajar boleh dilihat dari tiga sudut iaitu, pertamanya; kemahiran guru dalam mengajar bahasa, kedua; kemahiran guru dalam menguasai selok-belok bahasa yang diajar dan ketiga; personaliti guru bahasa.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan minat pelajar dengan kualiti diri guru. Kajian Ee (1998) mendapati bahawa guru dapat meningkatkan minat murid melalui pelbagai rangsangan seperti nada yang berubah-ubah, bahan bantu yang menarik, permainan dan sebagainya. Melalui cara ini guru akan dapat meningkatkan minat dan rasa ingin tahu murid terhadap pengajarannya. Murid yang mendapat motivasi daripada guru biasanya akan menjadi lebih berminat yang seterusnya membantu proses pencapaian objektif pembelajaran.

Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa tahap kecenderungan minat pelajar dan tahap kualiti guru Bahasa Arab berada pada tahap yang baik. Namun begitu terdapat juga beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan lagi pencapaian pelajar Bahasa Arab. Antara masalah yang dikenal pasti ialah kebanyakan responden mengakui bahawa mereka tidak membuat persediaan sebelum kelas bermula. Responden juga mengakui bahawa mereka tidak mengulang kaji subjek Bahasa Arab sama seperti pelajaran lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa responden jarang membuka kamus dan jarang membaca bahan bacaan Bahasa Arab untuk menambah perbendaharaan kata mereka. Masih ramai lagi dalam kalangan responden tidak berani untuk bertutur dalam Bahasa Arab serta mereka juga tidak berani untuk menyertai aktiviti dan pertandingan dalam Bahasa Arab. Manakala antara masalah yang dikenal pasti berkaitan dengan kualiti guru ialah kaedah pengajaran yang berkesan serta kaedah penyampaian pengajaran mudah difahami oleh guru.

Menurut Walsh (2001), secara kesimpulannya menyatakan bahawa kualiti guru berkait rapat dengan dengan kemampuan guru mempengaruhi murid dalam pembelajaran ke arah yang lebih positif. Justeru, kualiti berkenaan merupakan kebolehan kognitif dan verbal guru. Oleh yang demikian, mereka berpendapat bahawa dua aspek tersebut merupakan faktor kualiti guru yang boleh memberi kesan kepada suasana pembelajaran pelajar. Ia juga boleh disifatkan sebagai pengajaran yang baik.

4.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapatan kajian mengenal pasti bahawa beberapa perkara perlu dilakukan oleh guru Bahasa Arab dalam membentuk sikap pelajar. Antaranya ialah guru perlu memupuk semangat dalam diri pelajar agar sentiasa membuat persediaan sebelum bermulanya kelas, sentiasa mengulang kaji subjek bahasa Arab sama seperti pelajaran lain, membuka kamus untuk menambah perbendaharaan kata bahasa Arab dan mencari bahan bacaan Bahasa Arab. Selain daripada itu juga guru perlu memberi galakan agar pelajar menyertai aktiviti dan pertandingan bahasa Arab di sekolah kerana masih ramai pelajar yang berasa malu untuk bertutur dalam bahasa Arab dan mencari peluang untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Sesuatu perkara yang boleh difikirkan bersama ialah menjadikan pendidikan sebagai usaha yang dilakukan untuk melahirkan insan itu berjaya dan profesional dalam setiap bidang yang diceburinya, maka pendidikan yang disampaikan perlulah mempunyai kualiti yang tinggi.

Manakala dalam menghasilkan pendidikan yang tinggi kualitasnya tidak dapat dinafikan bahawa aspek pengajaran mempunyai peranan yang penting yang mesti dimainkan oleh tenaga pengajar. Di mana pengajaran yang berkualiti terhasil daripada guru yang berkualiti yang bijak mengaplikasikan ilmu pedagogi iaitu ilmu mengajar secara saintifik dalam pendidikan formal.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Cergas (M) Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin. (1994). *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Cetaktama Press.
- Abu Bakar Nordin. (1994). *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Cetaktama Press.
- Adnan Yusopp. (2005). *Pengajaran Perkaedahan Pendidikan Islam Di Peringkat Ijazah Tinggi: Keperluan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ee Ah Meng. (1998). *Pelajar Bermotivasi Pelajar Cemerlang*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Geo, Laura. (2007). *The Link Between Teacher Quality and Student Outcomes: A Research Synthesis*. Washington DC: National Comprehensive Center for Teacher Quality. <http://secc.sedl.org/orc/resources/LinkbetweenTQandStudentOutcomes.pdf>.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). *Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, 10(3), 15-33.
- Hadihah Senin. (1997). *Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Rejab. (1992). *Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Dlm. Ismail Ab. Rahman (ed al.). Pendidikan Islam di Malaysia. Bangi: UKM.
- Ismail Reduan. (1992). *Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran dan pembelajaran matematik di kalangan murid sekolah rendah*. *Jurnal Akademik*.
- Kamaruddin Husin. (1997). *Psikologi dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. (2010b). *Sekolah Bestari dan Sekolah Kluster di Malaysia: Konsep, Cabaran, dan Pelaksanaan*. Putra Jaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lee Shok Me. (1991). *Asas Pendidikan Psikologi dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, (Januari 2014, Bil. 2 Isu 1).
- Noraini Omar. (2008). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan: Institut Perguruan Tun Abdul Razak*, Sarawak.
- Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Salawati Hamid. (1998). *Hubungan minat, sikap, motivasi dan kemahiran asas dengan pencapaian pelajar dalam matematik, Latihan Ilmiah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Walsh, Kate. (2001). *Teacher Certification Reconsidered: Stumbling for Quality*. A Rejoinder <https://www.google.com.my/#q=Walsh%2C+Kate.+2001.+Teacher+Certification+Reconsidered%3A+Stumbling+for+Quality.+A+Rejoinder.pdf>.
- Widad Othman. (1998). *Kaedah Mengajar Lukisan Kejuruteraan*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim & Roslina Abd Talib. (2013). *Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Cc301 – Quantity Measurement*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013)

